

**Jamil Khir sokong kempen pemilihan Umno guna Facebook**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 30 , 2013**  
**OLEH DIYANA IBRAHIM**

Datuk Seri Jamil Khir Baharom (gambar) hari ini menyokong penggunaan saluran laman sosial untuk calon berkempen dalam pemilihan Umno Oktober ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu penggunaan saluran tersebut merupakan alternatif yang wajar digunakan memandangkan pemilihan kali ini disertai lebih dari 100 calon.

"Tidak ada salahnya berkempen menggunakan saluran ini selagi tidak melanggar peraturan dan ia boleh digunakan oleh semua calon kerana ini merupakan persaingan yang sihat

"Malah saya sendiri memilih menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) sebagai salah satu medium dalam kempen saya," katanya kepada media selepas Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan bagi pembinaan Akademi Tahfiz Darul Abrar di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

Sebelum ini Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno negeri, Datuk Muda Mamat, berkata calon yang akan bertanding pada mesyuarat pemilihan Umno dibenar menggunakan saluran laman sosial dan SMS.

Bagaimana pun calon ditegah mengadakan bentuk pertemuan dan menggunakan wang bagi mempengaruhi perwakilan, termasuk menganjurkan majlis makan malam.

Selain itu, calon yang berjawatan dalam pentadbiran kerajaan negeri termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri ditegah menggunakan kedudukan untuk mempengaruhi perwakilan, terutama mengadakan majlis kepartian untuk berkempen.

Menteri itu juga berkata penyertaan yang "meriah" bagi pemilihan kali ini menggambarkan sistem demokrasi yang cukup subur dalam Umno .

"Sebelum ini ramai yang mempunyai cita-cita berkhidmat dalam Umno namun tidak ada peluang tapi apabila sistem itu ditukar ramai menawarkan diri kerana ruang telah dibuka

"Malah bagi perwakilan tidak akan menghadapi kesukaran kerana sudah terbiasa dengan pemilihan tetapi mungkin kali ini coraknya agak berbeza," katanya. - 30 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jamil-khir-sokong-kempen-pemilihan-umno-guna-facebook>

